

24/06/2003

Pusat Konvensyen Putrajaya kebanggaan negara

Mohd Azlan Jaafar

TERBINA di puncak bukit pada ketinggian kira-kira 60 meter dari aras laut,

Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) boleh dilihat dari mana-mana kedudukan di

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Tetapi sebelum ini, 'mahligai' berbentuk pending (kerongsang tali pinggang wanita yang dipakai golongan bangsawan pada masa dulu) itu yang berada di hujung boulevard sepanjang 4.2 kilometer yang bermula dari Dataran Putra, hanya boleh ditatap dari jauh.

Dua minggu lalu, pertama kali orang awam dibenarkan menapak di kawasan seluas kira-kira 20 hektar itu sempena penyerahan PCC oleh pemaju projek,

Putrajaya Holdings Sdn Bhd, kepada Kerajaan Malaysia.

PCC akan menjadi tempat berlangsungnya mesyuarat Pertubuhan Persidangan

Islam (OIC), Oktober depan.

Jika dari jauh sudah terlihat keagungan reka bentuk PCC, pemanduan ke atas bukit itu adalah satu pengalaman yang tidak mudah dilupakan walaupun

harus melalui jalan raya sementara.

Ketika melalui jalan itu, pengunjung dapat menikmati laluan di tepi tasik yang kebiruan dan alunan ombaknya seperti pantai sehingga menyebabkan seseorang terlupa bahawa ini adalah tasik buatan.

Bayang-bayang PCC seolah-olah mencecah permukaan air menambah sifat 'majestik' persekitaran. Seorang rakan wartawan tidak henti dengan kata-kata pujian keseluruhan pemandangan.

Sebelum tiba di puncak, pengunjung perlu melalui Jambatan Seri Gemilang

yang tidak dapat dinafikan sebagai struktur jabatan tercantik di Putrajaya

atau mana-mana tempat di Malaysia.

Sebaik melalui jambatan itu, rekaan PCC sudah menunjukkan ketrampilan reka bentuk Melayu dalam arkitektur moden.

Seseorang akan berasa bangga dengan keupayaan anak tempatan - daripada jurureka kepada kontraktor - untuk menyiapkan struktur kompleks dalam tempoh yang singkat.

Keseluruhan struktur dan kawasan sekeliling seperti wujud dalam kesempurnaan, saling menyokong antara satu sama lain sehingga dari mana bahagian dan aras PCC, pemandangannya adalah mengagumkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapannya memuji

mereka yang terbabit dalam pembinaan PCC.

Jelas sekali kebanggaan Dr Mahathir terhadap apa yang dicapai sejak kerja pembinaan Putrajaya bermula tujuh tahun lalu.

Malah, Dr Mahathir berkata, dalam 100 tahun jika pembangkang dapat memerintah negara, beliau yakin mereka (pembangkang) tidak akan menjual Putrajaya.

"Ia (Putrajaya) dibina, dirancang dan dilaksanakan oleh kita," katanya

dengan nada bangga.

Seperti dinyatakan Perdana Menteri, bandar raya terbesar yang pernah dibina di Malaysia itu bukan untuk hari ini atau untuk dirinya.

"Ia adalah untuk masa depan Malaysia," katanya.

Kebanggaan dalam pembangunan Putrajaya bukan hanya milik Perdana Menteri.

Beberapa jurutera yang ditemui dan ditanya mengenai pembabitan dalam projek itu tidak henti-henti menyatakan kebanggaan mereka untuk menjadi sebahagian pembangunan Putrajaya.

Kepada orang luar, mungkin Putrajaya hanya blok batu bata dan simen yang disusun untuk mewujudkan sebuah bandar.

Tetapi kepada sebilangan mereka yang membantu menjadikan bandar ini salah satu keajaiban Malaysia, ia adalah kelahiran seorang bayi dan proses pendewasaannya. Dan proses itu panjang serta rumit.

Untuk seorang dewasa, membaca adalah perkara biasa. Bagi seorang kanak-kanak berusia empat tahun yang baru mengenal abjad, membaca perkataan mudah seperti `emak' atau `ayah' mengambil keseluruhan keringat pemikiran dan tenaga.

Putrajaya adalah kanak-kanak itu. Proses pendewasaannya adalah proses sukar, mencabar dan penuh dugaan. Tetapi apa yang memastikan blok-blok kejayaan itu terus segar adalah semangat mereka yang menjayakan projek ini.

Jika Malaysia gagal mencapai Wawasan 2020 dan tidak menjadi negara maju sekalipun pada 2020, tiada siapa harus berasa rendah diri.

Mereka yang terbabit dalam pembangunan Putrajaya membuktikan ada di kalangan mereka yang berkeupayaan seperti di negara maju.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri secara berseloroh berkata: "Walaupun selepas saya tiada, saya akan terus mengawasi dari atas sana (pembangunan Putrajaya)."

Apa yang pasti, kanak-kanak bernama `Putrajaya' akan membanggakan semua yang berada di bumi bertuah ini. Dan kepada pembangkang, carilah kawasan ladang lain untuk `dijual' pada pilihan raya akan datang.